

# Malaysia tegas hadapi penyeludupan manusia

BH-15/6/2007

## Akta Antipemerdagangan Orang 2007 bukti kita serius: PM

Oleh Abdul Raaff

**P**ETALING JAYA: Malaysia sentiasa komited dan serius untuk menangani jenayah penyeludupan manusia dan mereka yang didapati bersalah melakukan kegiatan itu akan dikenakan tindakan tegas, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, sebagai bukti komitmen membanteras kegiatan haram dan tidak bermoral itu, kerajaan sudah menggubal Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang 2007 yang memperuntukkan hukuman berat terhadap mereka yang terbabit.

Rang undang-undang itu yang memperuntukkan hukuman dan denda berat kepada mereka yang terbabit dalam jenayah perdagangan manusia, sudah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada April lalu diikuti bacaan kedua, bulan lalu.

"Penyeludupan manusia perlu dibanteras dan kita berharap rang undang-undang ini dapat diluluskan dalam sesi persidangan Parlimen yang bermula 18 Jun ini," katanya selepas merasmikan Persidangan Menteri Kesihatan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2007, di sini, semalam.

Ditanya mengenai Laporan Perdagangan Manusia yang dikeluarkan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang menyenaraikan Malaysia dan 16 negara lain sebagai gagal menunjukkan tindakan yang memuaskan bagi menangani masalah itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berhasrat mengulas.

"Apa yang saya mahu katakan ialah kerajaan sudah mengemukakan satu rang undang-undang ke Parlimen dan kita sentiasa lakukan apa yang boleh (untuk membanteras penyeludupan manusia). Sebab itu kerajaan menggubal rang undang-undang itu," katanya.

Perdana Menteri yang juga Penge-

**“Penyeludupan manusia perlu dibanteras dan kita berharap rang undang-undang ini dapat diluluskan”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

rusi OIC berkata, beliau juga tidak mahu mengulas mengenai laporan itu dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, sudah mengeluarkan kenyataan mengenainya kelmarin.

Laporan dikeluarkan Washington itu, meletakkan Malaysia dalam sebagai antara negara mempunyai rekod paling buruk perdagangan manusia bersama Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Algeria, Guinea, Myanmar, Iran, Cuba, Korea Utara, Arab Saudi, Sudan, Syria, Uzbekistan dan Venezuela.

Menurut Washington, negara diletakkan dalam senarai itu berdepan kemungkinan dikenakan sekatan termasuk bantuan bukan kemanusiaan dan bukan perdagangan daripada Amerika Syarikat pada masa depan.

Sementara itu, negara yang tidak menerima bantuan berkenaan daripada Amerika Syarikat pula berdepan kemungkinan digantung bantuan untuk kakitangannya terbabit dalam program pertukaran pendidikan dan kebudayaan.

Mengikut undang-undang Amerika Syarikat, negara dalam senarai berkenaan mempunyai tempoh 90 hari untuk memperbaiki keadaan atau berdepan dengan sekatan terbabit.

Washington bagaimanapun boleh memilih untuk tidak mengenakan sekatan itu.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata tindakan Amerika Syarikat menyenaraikan Malaysia itu adalah tidak adil kerana ia tidak benar sama sekali.

"Laporan itu tidak mencerminkan usaha berterusan yang dilaksanakan Malaysia dalam membanteras penyeludupan manusia kerana kerajaan sudah mengambil langkah persediaan bagi menangani isu ini sejak 2005 dengan membabitkan pelbagai pihak," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Mengikut Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang 2007, pihak yang sabit kesalahan memperdagangkan individu untuk segala bentuk eksploitasi termasuk seks, perhambaan, kerja paksa atau pemindahan organ boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan didenda.

Ia turut memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda antara RM50,000 hingga RM500,000 bagi kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi mangsa.